

٣٨٧٢ - حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ حَدَّثَنَا حَفْصُ بْنُ عُمَرَ أَبُو عُمَرَ الْخَوْضِيُّ حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ حَدَّثَنَا أَيُّوبُ وَالْحَجَّاجُ الصَّوَّافُ قَالَ حَدَّثَنِي أَبُو رَجَاءٍ مَوْلَى أَبِي قِلَابَةَ وَكَانَ مَعَهُ بِالشَّامِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ عَبْدِ الْعَزِيزِ اسْتَشَارَ النَّاسَ يَوْمًا قَالَ مَا تَقُولُونَ فِي هَذِهِ الْقَسَامَةِ فَقَالُوا حَقٌّ قَضَى بِهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَضَتْ بِهَا الْخُلَفَاءُ قَبْلَكَ قَالَ وَأَبُو قِلَابَةَ خَلَفَ سَرِيرَهُ فَقَالَ عَنِّي عَنْ سَعِيدٍ فَأَيُّ حَدِيثِ أَنَسٍ فِي الْعُرَيْنَيْنِ قَالَ أَبُو قِلَابَةَ إِيَّايَ حَدَّثَهُ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ قَالَ عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ صُهَيْبٍ عَنْ أَنَسٍ مِنْ عُرَيْنَةٍ وَقَالَ أَبُو قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ مِنْ عُنْطَى ذَكَرَ الْقِصَّةَ

3872 - Muhammad bin 'Abdir Rahim⁷¹⁷ meriwayatkan kepadaku, katanya: Hafsh bin 'Umar Abu 'Umar al-Ĥawdhī⁷¹⁸ meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammād bin Zaid meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayyub (as-Sakhtīāni) dan al-Ĥajjāj ash-Shawwāf (bin Abi 'Utsman al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, dia (al-Ĥajjāj ash-Shawwāf) berkata: Abu Rajā' (Sulāiman) maula Abi Qilābah meriwayatkan kepadaku⁷¹⁹ - dia (Abu Rajā') pernah bersama Abi Qilābah di Syam – bahawa pada suatu hari 'Umar bin 'Abdil 'Aziz bermesyuarat dengan orang-orang. Katanya: “Apa pendapat kamu tentang qasāmah ini⁷²⁰

⁷¹⁷ bin Abi Zuhair al-'Adawi maula mereka al-Bazzaaz, beliau terkenal juga dengan Shā'iqah. Abu Yahya adalah kuniahnya. Beliau seorang imam dan hāfīzh hadits, meriwayatkan daripada Yazid bin Harun, Abi 'Aashim, Rauḥ bin 'Ubādah dan ramai lagi tokoh hadits yang lain. Bukhari, Tirmidzi, Nasaa'i dan Abu Daud adalah antara tokoh hadits yang menerima riwayat daripadanya. Muhammad bin 'Abdir Rahim meninggal dunia pada tahun 255 Hijrah.

⁷¹⁸ al-Azdi al-Bashri. Beliau juga salah seorang guru Imam Bukhari, tetapi di sini Bukhari meriwayatkan daripadanya dengan perantaraan Muhammad bin 'Abdir Rahim. Menurut Imam Ahmad, beliau adalah seorang perawi yang tsiqah, teguh lagi kukuh. Satu huruf pun daripada riwayatnya tidak dapat dikritik. Imam Bukhari berkata, beliau meninggal dunia pada tahun 225 Hijrah.

⁷¹⁹ Demikianlah tersebut di dalam nuskah-nuskah yang dipercayai أَبُو رَجَاءٍ قَالَ حَدَّثَنِي. Padahal perawi yang tersebut sebelumnya dua orang. Sepatutnya dikatakan أَبُو رَجَاءٍ حَدَّثَنَا. Sebabnya dikatakan begitu menurut sesetengah 'ulama' ialah kerana al-Ĥajjāj sahaja di sisi Bukhari yang meriwayatkan hadits ini daripada Abi Qilābah dengan perantaraan Abu Rajā'. Adapun Ayyub, khilaf para 'ulama' tentangnya, sama ada dia meriwayatkannya daripada Abi Qilābah dengan perantaraan Abu Rajā' atau pun tanpa perantaraannya.

⁷²⁰ Menurut bahasa 'Arab qasāmah bererti sumpah atau perbuatan bersumpah. Menurut istilah syara', qasāmah adalah 50 sumpah oleh 50 orang daripada pihak keluarga seseorang yang didapati terbunuh di sesuatu kawasan, bahawa orang kawasan itulah yang membunuhnya, tetapi mereka tidak mengetahui dengan pasti siapa pembunuhnya.

(adakah ia benar atau tidak)?” Mereka menjawab; “Benar. Rasulullah s.a.w. telah menerapkannya, begitu juga para khalifah sebelummu.” Abu Rajā’ berkata: Pada ketika itu Abu Qilabah berada di belakang takhtanya, lalu ‘Anbasah bin Sa’id (al-Qurasyi al-Umawi) berkata: “Kalau begitu di mana hadits Anas tentang suku ‘Urainah?”⁷²¹ Maka Abu Qilabāh berkata, “Kepadakulah Anas bin Malik meriwayatkannya.”⁷²²

Kata ‘Abdul ‘Aziz bin Shuhaib (diambilnya) daripada Anas: dari suku ‘Urainah (tanpa menyebutkan suku ‘Ukl). Dan Abu Qilābah pula berkata (diambilnya) daripada Anas: dari suku ‘Ukl (tanpa menyebutkan suku ‘Urainah).” Lalu beliau (Abu Qilābah) menceritakan kisah tersebut (sepenuhnya seperti di dalam Kitab ad-Diyāt).”

٣٩- بَابُ غَزْوَةِ ذَاتِ الْقَرْدِ

وَمِیَ الْغَزْوَةِ الَّتِي أَغَارُوا عَلَى لِقَاحِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ خَيْبَرَ بِثَلَاثٍ.

39- Bab: Ghazwah Dzatil Qarad⁷²³ Iaitu Ghazwah Yang Berpunca Daripada Pencerobohan Mereka Terhadap Unta-Unta Nabi S.A.W. Tiga Hari Sebelum Berlakunya Perang Khaibar.

Sumpah 50 orang daripada golongan yang tertuduh melakukan pembunuhan untuk menafikan tuduhan juga dipanggil qasāmah. Perbincangan lebih terperinci akan diberikan pada bab qasāmah nanti.

⁷²¹ Maksudnya ialah bukannya semua suku ‘Urainah yang terlibat dalam membunuh telah diqishash dengan dibunuh balas? Tidak ada pun hukum qasāmah dilaksanakan dalam peristiwa itu.

⁷²² Maksud Abu Qilābah ialah hadits Anas itu memang sahih, tetapi ia tiada kaitan dengan kes qasāmah. Kes qasāmah baru wujud apabila mayat seseorang ditemui terbunuh di sesuatu tempat atau kawasan berpenduduk tetapi pembunuhnya tidak diketahui. Sedangkan hadits Anas bercerita tentang pembunuhan yang dilakukan oleh suku ‘Urainah dan ‘Ukl. Mereka bukan sahaja diketahui telah membunuh, malah telah murtad dan melarikan unta-unta zakat dan unta-unta rasulullah s.a.w. Pembunuh dalam hadits Anas diketahui dengan jelas, kerana itu ia tiada kaitan dengan kes qasāmah.

⁷²³ atau Dzi Qarad adalah nama satu sumber (mata) air yang terletak berdekatan dengan negeri Ghathafān, sejauh satu hari perjalanan dari Madinah. Ghazwah ini disebut juga

٣٨٧٣ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا حَاتِمٌ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي عُبَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ سَلَمَةَ بْنَ الْأَكْوَعِ يَقُولُ خَرَجْتُ قَبْلَ أَنْ يُؤَدَّنَ بِالْأُولَى وَكَانَتْ لِقَاخَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزْعَى بِذِي قَرَدٍ قَالَ فَلَقِيَنِي

dengan nama Ghazwah Ghābah. Bilakah ghazwah ini berlaku? Penulis-penulis kitab Sirah dan Maghazi bersepakat tentang ia berlaku pada tahun ke-6 Hijrah sebelum berlakunya peristiwa di Ḥudaibiah. Ibnu Sa'ad di dalam Thabaqātnya berkata, ia berlaku pada bulan Rabī'ul Awwal tahun ke-6 Hijrah. Sesetengah ahli Sirah pula berpendapat, ia berlaku pada bulan Jumadal Ula tahun yang sama. Muhammad bin Ishaq pula berpendapat ia berlaku pada bulan Sya'ban tahun ke-6. Semua pendapat yang dikemukakan ini menunjukkan Ghazwah Dzi Qarad telah berlaku sebelum Ghazwah Ḥudaibiah. Kerana Ghazwah Ḥudaibiah berlaku pada bulan Dzil Qa'dah tahun ke-6. Apabila diterima Ghazwah Dzi Qarad berlaku sebelum Ghazwah Ḥudaibiah maka tentulah ia berlaku sebelum Ghazwah Khaibar, kerana Ghazwah Khaibar berlaku pada tahun ke-7 selepas berlakunya Ghazwah di Ḥudaibiah.

Imam Bukhari tidak bersetuju dengan ahli-ahli Sirah yang tersebut, bagi beliau Ghazwah Dzi Qarad telah berlaku selepas Ghazwah Ḥudaibiah tiga hari sahaja sebelum Ghazwah Khaibar. Al-Baihaqi, Ibnu al-Qaiyyim dan lain-lain juga sependapat dengan Imam Bukhari. Lihat pendapat al-Baihaqi di dalam Dalā'ilnya (j.4 m/s 178). Ibnu al-Qaiyyim bahkan mengkritik ahli-ahli Sirah dan Maghāzi dengan berkata, "Sekumpulan ahli Sirah dan Maghāzi terkeliru sehingga mereka mengatakan ia (Ghazwah Dzi Qarad) berlaku sebelum Ḥudaibiah," (Lihat Zādul Ma'ād j.3 m/s 279). Imam Muslim meriwayatkan satu hadits Salamah bin al-Akwa' yang agak terperinci, ia juga menguatkan pendapat Bukhari yang mengatakan ia berlaku tiga hari sebelum Ghazwah Khaibar. Di akhir riwayat itu tersebut begini:

قَالَ قَوْلَ اللَّهِ مَا لَيْتُنَا إِلَّا ثَلَاثَ لَيَالٍ حَتَّى خَرَجْنَا إِلَى خَيْبَرَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bermaksud: Kata beliau (Salamah), "Demi Allah, hanya tiga malam sahaja kami berada di Madinah, terus selepas itu kami keluar ke Khaibar bersama Rasulullah s.a.w.

Abu al-'Abbaas al-Qurthubi cuba menjama'kan pendapat Bukhari dan ahli Sirah dengan berkata, mungkin juga Khaibar yang tersebut di dalam riwayat Salamah yang terperinci itu bukan Ghazwah Khaibar yang diketahui semua orang, tetapi Khaibar lain. Kerana Rasulullah s.a.w. menghantarkan tentera ke Khaibar beberapa kali. Pendapat al-Qurthubi ini nampaknya tidak tepat, kerana di dalam riwayat itu tersebut kisah pertarungan Saiyyidina 'Ali dan Marḥab. Pertarungan itu memang telah berlaku dalam perang Khaibar yang masyhur itu, bukan dalam peperangan yang lain. Maka tidak tepatlah mengatakan ia perang Khaibar yang lain tanpa dalil yang kukuh.

Ḥāfīz Ibnu Ḥajar juga cuba mentathbiqkan kedua-dua riwayat Bukhari dan ahli Sirah, tetapi bukan dengan mengatakan ada beberapa perang Khaibar, sebaliknya dengan mengatakan ada beberapa perang Dzi Qarad. Kata beliau, 'Abdur Rahman bin Ḥafsh al-Fazāri telah beberapa kali menyerbu unta-unta Baginda di Dzi Qarad. Dzi Qarad yang disebut oleh ahli-ahli Sirah berlaku sebelum Ghazwah Ḥudaibiah. Ghazwah Dzi Qarad yang disebut oleh Bukhari itu lain pula, ia memang berlaku selepas Ghazwah Ḥudaibiah tiga hari sebelum Ghazwah Khaibar. Dengan itu tiada lagi pertentangan di antara dua pendapat itu.

غُلَامٌ لِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ فَقَالَ أَخَذْتُ لِقَاحَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْتُ مَنْ أَخَذَهَا قَالَ عَظْقَانُ قَالَ فَصَرَخْتُ ثَلَاثَ صَرَخَاتٍ يَا صَبَاحَاهُ قَالَ فَأَسْمَعْتُ مَا بَيْنَ لَابَتَيْ الْمَدِينَةِ ثُمَّ انْدَفَعْتُ عَلَى وَجْهِي حَتَّى أَذْرَكْتُهُمْ وَقَدْ أَخَذُوا يَسْتَقْفُونَ مِنَ الْمَاءِ فَجَعَلْتُ أَرْمِيهِمْ بِبَنِي وَكُنْتُ زَامِيًا وَأَقُولُ أَنَا ابْنُ الْأَكْوَعِ وَالْيَوْمُ يَوْمُ الرُّضْعِ وَأَزْتَجِرُ حَتَّى اسْتَنْقَذْتُ اللَّقَاحَ مِنْهُمْ وَاسْتَلْبَثْتُ مِنْهُمْ ثَلَاثِينَ بُرْدَةً قَالَ وَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ قَدْ حَمَيْتُ الْقَوْمَ الْمَاءَ وَهُمْ عِطَاشٌ فَأَبْعَثْ إِلَيْهِمُ السَّاعَةَ فَقَالَ يَا ابْنَ الْأَكْوَعِ مَلَكْتُ فَأَسْجِحْ قَالَ ثُمَّ رَجَعْنَا وَيُؤَدِّفُنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى نَاقَتِهِ حَتَّى دَخَلْنَا الْمَدِينَةَ

3873 - Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya: Haatim (bin Isma'il) meriwayatkan kepada kami daripada Yazid bin Abi 'Ubaid, katanya: Aku mendengar Salamah bin al-Akwa' berkata: "Aku keluar sebelum adzan pertama shalat Subuh (dikumandangkan). Ketika itu unta-unta susu milik Rasulullah s.a.w. sedang digembalakan di Dzi Qarad." Salamah melanjutkan: "Lalu aku berjumpa dengan hamba 'Abdur Rahman bin 'Auf,⁷²⁴ dia berkata: "Unta-unta susu Rasulullah s.a.w. telah dicuri orang." Aku bertanya: "Siapa yang mencurinya?" Dia berkata: "(Suku) Ghathafān". Maka aku berteriak sebanyak tiga kali dengan teriakan **يَا صَبَاحَاهُ** (Aduhai pagi yang dilanda musibah!) yang dapat didengar oleh penduduk di antara dua kawasan berbatu hitam di Madinah.⁷²⁵ Kemudian tanpa menoleh ke kanan mahupun ke kiri aku terus mengejar mereka hingga aku dapat menemukan mereka yang sedang hendak minum air. Aku meluncurkan anak panah kepada mereka. Aku adalah seorang yang ahli memanah. Sambil aku katakan: "Akulah putra al-Akwa'. Hari ini adalah hari kebinasaan orang-orang yang hina".⁷²⁶ Dan aku terus bersya'ir

⁷²⁴ Namanya tidak tersebut di dalam riwayat ini. Menurut riwayat Muslim, namanya Rabā'ih. Tetapi riwayat itu menyebutkan dia adalah hamba Rasulullah s.a.w. Boleh jadi juga dia sebenarnya hamba 'Abdur Rahman bin 'Auf, dikatakan hamba Rasulullah s.a.w. kerana dia selalu juga berkhidmat kepada Baginda.

⁷²⁵ Maksudnya ialah suaranya itu dapat didengar oleh seluruh penduduk Madinah. Mungkin kerana suaranya memang sangat kuat atau mungkin juga itu satu karamah daripada Allah untuknya.

⁷²⁶ Perkataan **رَضِعَ** adalah kata jama' bagi **رَضِعَ**. Perkataan **رَضِعَ** pada asalnya bererti orang yang menyusu. Ia kemudiannya digunakan juga dengan erti orang yang sangat hina, terlalu bakhil dan bangsat. Menurut sejarah terdapat latar belakang bagi perkataan

hingga aku dapat merebut kembali unta-unta dari mereka. Aku juga berhasil merampas sebanyak tiga puluh burdah (kain selimut).”⁷²⁷ Beliau meneruskan ceritanya: “Kemudian Nabi s.a.w. berserta para sahabat datang. Maka aku berkata: “Wahai Nabiyyallah, aku dapat mendahului puak itu dari sampai ke mata air sehingga mereka kehausan. Hantarlah tentera kepada mereka sekarang juga.” Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Wahai Ibnal Akwa’, bersikap lembutlah setelah engkau menguasai keadaan.” Beliau berkata lagi: “Kemudian kami kembali dan aku diboncengkan oleh Rasulullah di atas untanya hingga kami memasuki kota Madinah.”

رَاضِع itu dipakai dengan erti orang yang sangat hina, terlalu bakhil dan bangsat. Dikatakan, kononnya ada seorang yang sangat bakhil dan bangsat selalu menghisap susu secara langsung dari ambing (puting susu) untanya. Dia tidak memerah susu terlebih dahulu ke dalam sesuatu bekas, kerana bimbang akan didengari jiran tetangga miskin ketika susu untanya diperah. Kalau mereka tahu, tentu mereka akan datang meminta susu. Maka untuk mengelak daripada hal itu dia selalu menghisap susu secara langsung dari ambing (puting susu) untanya. Oleh kerana orang yang bersikap begitu dianggap sangat hina, terlalu bakhil dan bangsat, maka mulalah perkataan رَاضِع digunakan untuk orang yang sangat hina, terlalu bakhil dan bangsat.

⁷²⁷ Boleh jadi kerana terlalu takut dan gerun kepada orang yang mengejar mereka, selimut-selimut yang dibawa bersama pun dirasakan sebagai beban yang melambatkan pergerakan untuk melarikan diri, kerana itu semuanya ditinggalkan oleh mereka.